

IKA tidak ukur logam berat, bakteria - Penyelidik

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Laporan Indeks Kualiti Air (IKA) tidak menggambarkan tahap kebolehan air sungai yang sebenar berikutan terdapat beberapa limitasi dalam mengesan bahan pencemar.

Ini kerana, parameter yang digunakan dalam IKA terhadap enam ukuran iaitu kandungan oksigen terlarut, nilai potensi hidrogen (PH), nitrogen amonia, keperluan oksigen kimia, keperluan oksigen biokimia dan jumlah pepejal terampai.

Menurut penyelidik dan Pegawai Projek Water Warriors Universiti Malaya, Affan Nasaruddin, IKA tidak mengukur kandungan logam berat serta bakteria dalam sungai sebagai sumber air.

“Kalau kita lihat pencemaran yang berlaku sekarang bermacam-macam, kita sudah tidak boleh ikut enam parameter itu sahaja untuk menentukan bahawa air sungai kita ber-



Kalau kita lihat pencemaran yang berlaku sekarang bermacam-macam, kita sudah tidak boleh ikut enam parameter itu sahaja untuk menentukan bahawa air sungai kita bersih atau tidak.”

AFFAN NASARUDDIN

sih atau tidak,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian memaklumkan, laporan IKA daripada Jabatan Alam

Sekitar (JAS) terhadap Sungai Selangor dan Langat sehingga 1 Mac lalu adalah berada pada bacaan 86 dan 91 iaitu bersih.

Beliau berkata demikian susulan satu pendedahan dilakukan berkenaan risiko pencemaran terhadap sungai-sungai berkenaan yang menjadi sumber bekalan air kepada lebih 90 peratus pengguna di Lembah Klang.

Akhbar ini pada 21 Mac lalu melaporkan hampir enam juta penduduk di Lembah Klang yang mendapatkan sumber air dari Sungai Selangor dan Sungai Langat berdepan risiko menggunakan air tercemar.

Risiko tersebut dikesan selepas satu tinjauan di kedua-dua lembangan tersebut mengenalpasti lokasi perumahan dan perindustrian terletak berhampiran dengan tebing sungai yang boleh menyebabkan pencemaran.

Bagaimanapun, Loy Sian menjelaskan sungai yang menjadi sumber air lebih 90 peratus penduduk di Lembah Klang boleh berlaku pencemaran pada

waktu-waktu yang tidak dijangka.

Dalam pada itu, Affan turut memaklumkan terdapat garis panduan dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai plastik mikro pada 2019 yang tidak terdapat dalam parameter IKA.

“Berdasarkan laporan daripada pakar-pakar, kita punya LRA adalah konvensional, adakah bahan pencemar sedemikian boleh dirawat, itu pun satu persoalan. Mungkin hal itu boleh dijawab oleh pengoperasi LRA.

“Isu plastik mikro juga adalah sesuatu yang hangat di negara-negara luar dan berdasarkan laporan media pun boleh tengoklah di sungai-sungai kita terdapat banyak perangkap-perangkap sampah,” jelasnya.

Walau bagaimanapun, beliau menyokong usaha kerajaan negeri untuk melaksanakan dasar *Zero Discharge Policy* (ZDP) dan *Polluters Pay Principles* untuk mengurangkan pembuangan sisa industri ke dalam sungai.